

EAEC

B.H. 15 JAN 1993

lindung dagangan bebas

KUALA LUMPUR, Khamis — Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) mampu menjadi forum bagi membincangkan masalah dan mengambil pendirian bersama, khususnya dalam melindungi amalan perdagangan bebas dan menentang dasar perlindungan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata melalui pendirian dan suara negara-negara berkenaan, adalah sukar bagi masyarakat antarabangsa menafikan setiap pandangan yang dikemukakan oleh kumpulan itu.

Sambil mengulangi pendirian bahawa EAEC bukan sebuah pakatan perdagangan, beliau berkata badan itu ditubuhkan hasil pengalaman Asean dan menjadi sebuah forum bagi negara yang mempunyai pertalian geografi serta matlamat bersama di bidang ekonomi.

"Ada kecenderungan bahawa sebuah kumpulan serantau menjadi pakatan perdagangan. Saya suka menjelaskan bahawa Asean, sebagai sebuah kumpulan serantau berjaya muncul sejak suku abad tanpa menjadi sebuah pakatan perdagangan.

"Negara Asean sama ada secara bersendirian dan berkumpulan sentiasa mengekalkan keterbukaan terhadap perdagangan dengan negara lain di seluruh dunia dan Asean terus maju," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian di majlis jamuan negara meraikan Perdana Menteri Jepun, Kiichi Miyazawa yang sedang dalam rangka lawatan tiga hari ke sini.

Menurutnya, bagi negara yang mempunyai matlamat bersama di bidang ekonomi, selalunya menghadapi masalah yang sama, seperti dialami oleh Perjanjian Bersama Pusingan Uruguay mengenai Tarif dan Perdagangan.

Menurutnya, melalui tindakan yang berbeza, negara terbabit gagal mempengaruhi sebarang keputusan dalam persidangan antarabangsa seperti perjanjian Pusingan Uruguay itu.

Perdana Menteri berkata, negara Asean dalam EAEC sedia belajar daripada pihak lain mengenai pendekatan yang betul untuk membangunkan ekonomi, termasuk membantu satu sama lain melalui pelaburan dan peluang memasuki pasaran lain.

"Pada analisis terakhir, tanpa menutup pasaran terhadap perdagangan dengan negara lain, negara dalam kumpulan EAEC akan terus makmur. Sebenarnya, proses belajar daripada pihak lain sudah membuahkan hasil.

"Lebih banyak kejayaan akan dicapai jika mereka duduk bersama bagi membincangkan cara dan matlamat untuk membantu satu sama lain di samping meningkatkan perdagangan sesama sendiri.

"Kita memuji Jepun. Saya suka menjelaskan EAEC bukan pakatan perdagangan. Ia hanya forum serantau," katanya.

Dr Mahathir berkata, sebagai se-

LIHAT MUKA 2

Sumbangan Jepun penting

DARI MUKA 1

B.H. 15 JAN 1993

buah negara dalam G-7, Malaysia mengalu-alukan langkah Perdana Menteri Jepun mendapatkan pandangan daripada negara dalam Asia Timur sebelum menghadiri sidang kemuncak G-7.

"Ia adalah dialu-alukan. Tetapi memandangkan pandangan itu diberi tanpa muafakat sesama negara Asia Timur, pandangan berbeza akan wujud. Subjeknya juga terlalu luas.

"Hasilnya, penyertaan Jepun dalam persidangan G-7 itu tidak akan berkesan," katanya.

Dr Mahathir berkata,

Jepun lebih berkemampuan mewakili negara Asia Timur jika mesyuarat di kalangan negara Asia Timur diadakan terlebih dahulu dan masalah bersama dikenal pasti serta pendirian bersama dicapai.

"Ini sekali lagi membuktikan kepentingan EAEC," katanya.

Perdana Menteri berkata, penyertaan Jepun dalam membangunkan semula negara di Indo-China adalah sumbangan bermakna terhadap keamanan dan kestabilan rantau berkenaan.

"Keputusan Kerajaan Jepun menghantar pasukan pengaman ke Kemboja di bawah pengawasan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah sangat bersejarah.

"Malaysia mengalu-alukan keputusan itu dan berharap Jepun akan mengambil bahagian sepenuhnya dalam kegiatan pengamanan PBB itu," katanya.

Mengenai lawatan Miyazawa, Dr Mahathir berharap kerjasama dua hala di antara Malaysia-Jepun akan terus diperkukuh.